

# e-BULETIN HASIL



EDISI 1 / 2023

**SELAMAT MENYAMBUT  
TAHUN BAHARU 2023**



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

## 1. SISTEM e-PC

Sistem e-PC (Pelarian Cukai) merupakan sebuah platform bagi orang awam untuk membuat aduan pelarian cukai terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan pelarian cukai. Inisiatif ini juga merupakan salah satu langkah HASiL untuk menggalakkan penglibatan orang awam dalam membanteras pelarian cukai melalui penyaluran maklumat yang lebih sistematik dan pantas.

Dengan pelaksanaan sistem e-PC, terimaan aduan pelarian cukai daripada orang awam melalui e-mel [pelariancukai@hasil.gov.my](mailto:pelariancukai@hasil.gov.my) tidak lagi terpakai dan e-mel tersebut akan dimansuhkan.

Maklumat dan identiti pemberi maklumat adalah **RAHSIA** dan diklasifikasikan sebagai **SULIT**.

Maklumat lanjut berhubung pelarian cukai boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) di bawah menu Hubungi Kami > Maklum Balas > Pelarian Cukai.

## 2. NOMBOR BIL SEBAGAI RUJUKAN MANDATORI PEMBAYARAN CUKAI

**NOMBOR BIL** akan digunakan sebagai rujukan mandatori bagi urusan pembayaran semua jenis cukai langsung mulai 1 Januari 2023 **kecuali** bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan Duti Setem.

Maklumat berkenaan **NOMBOR BIL** boleh diperolehi melalui kaedah berikut:

- i) Layari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> > Perkhidmatan ezHasil > e-Billing, atau
- ii) Dinyatakan dalam notis taksiran / anggaran dan surat-surat tuntutan bayaran yang dihantar oleh HASiL kepada pembayar cukai.

Bayaran boleh dibuat secara dalam talian (*online*) atau melalui kaunter Pusat Bayaran HASiL dan bank-bank ejen.

Dalam tempoh peralihan kepada penggunaan **NOMBOR BIL** ini, Nombor Pengenalan Cukai (TIN) atau Nombor Rujukan Cukai masih boleh digunakan dalam urusan pembayaran cukai langsung yang berkaitan sehingga 30 Jun 2023.

### 3. PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA BAGI TAHUN 2023

Program Memfail Borang Nyata Bagi Tahun 2023 telah dimuat naik di Portal Rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan Borang Nyata mereka pada tahun 2023.

Pembayar cukai daripada semua kategori adalah digalakkan untuk merujuk kepada program ini sebagai panduan bagi melancarkan proses pelaporan cukai dengan HASiL.

Maklumat penuh program ini boleh dicapai melalui Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) : Borang > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2023 **ATAU** di pautan pantas : [https://www.hasil.gov.my/media/mpofkuqz/programmemfailbn\\_2023.pdf](https://www.hasil.gov.my/media/mpofkuqz/programmemfailbn_2023.pdf).

### 4. PELAKSANAAN PENGGUNAAN BEG BERKUNCI/KARUNG BERKUNCI UNTUK URUSAN SURAT-MENYURAT DAN NOTIS PERCUKAIAN

Bermula 1 Januari 2023, semua urusan surat-menyurat dan notis percukaian kepada pejabat HASiL di setiap negeri akan menggunakan alamat Beg Berkunci/Karung Berkunci.

Pendekatan baharu ini dilaksanakan bagi memudahkan urusan pelanggan dan memastikan pengurusan pentadbiran cukai yang sistematik memandangkan hanya satu alamat akan digunakan bagi mewakili semua pejabat cawangan HASiL di setiap negeri.

Alamat Beg Berkunci/Karung Berkunci semua negeri boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) : Hubungi Kami > Panggilan > Direktori HASiL.

#### WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT ATAU MENYAMBUNGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN.

**BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.**